

STATUS GURU TINGKATAN 6

Pihak NUTP telah menerima senarai nama ahli-ahli yang mengajar Tingkatan 6 tetapi tidak ditawarkan surat pemangkuan gred naik pangkat pada Fasa 1 urusan pertama (anggaran 500 orang ahli). Maklumat semua guru yang terlibat telah dikemukakan ke Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Kementerian Pelajaran Malaysia pada bulan Julai 2009.

Beberapa siri mesyuarat telah diadakan diantara pihak Kementerian Pelajaran Malaysia dengan Pemimpin-Pemimpin NUTP. Mesyuarat membincangkan mengenai masalah kelewatan menerima surat dan waktu bertugas bermula jam 7.30 pagi hingga 4.00 petang.

PENJELASANNYA

Perkara 1 :

Mesyuarat bersama Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, Kementerian Pelajaran Malaysia mengenai waktu kerja Guru Tingkatan 6.

Respon Kementerian Pelajaran Malaysia :

Waktu kerja Guru Tingkatan 6 **adalah fleksibel**. Guru tidak perlu balik pada pukul 4.00 petang.

Perkara 2 :

Mesyuarat bersama Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Kementerian Pelajaran Malaysia (sebanyak 2 kali) mengenai isu pemangkuan gred naik pangkat Tingkatan 6.

Respon Kementerian Pelajaran Malaysia :

Pihak Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Kementerian Pelajaran Malaysia telah dan sedang menyemak data calon-calon yang layak dan tidak layak. Sekiranya terdapat guru-guru yang memenuhi syarat, pemangkuan akan ditawarkan kepada guru berkenaan. Sekiranya tidak memenuhi syarat perlu menunggu **Fasa 1 urusan kedua dan Fasa 2**.

Antara sebab-sebab calon tidak layak fasa 1 urusan pertama adalah :

- 1) Tidak mengajar Tingkatan 6 pada tahun 2007.
- 2) Masih belum lulus Penilaian Tahap Kecekapan pada tahun 2007 / 2008 dan sedang menunggu keputusan Penilaian Tahap Kecekapan.
- 3) Keperluan opsyen subjek tertentu di sekolah berkenaan sudah berlebihan.
- 4) Bilangan calon yang layak di sesebuah sekolah terlalu ramai dan terpaksa memberi keutamaan kepada calon yang lebih senior dan memenuhi semua syarat yang telah ditetapkan.
- 5) Mengajar Tingkatan 6 sekurang-kurangnya 5 tahun.
- 6) Markah prestasi yang tidak memuaskan.
- 7) Tidak diperakui oleh Pengetua.
- 8) Salah tafsir bahawa Ketua Bidang / Penolong Kanan tidak boleh memohon.

Namun demikian, sekiranya saudara / saudari masih belum terima sebarang jawapan dari Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Kementerian Pelajaran Malaysia, sila hubungi Pn. Aniza atau Pn. Yanie di talian 03-62510621 untuk membuat semakan status saudara / saudari.

Setiausaha Agung NUTP

Pn Lok Yim Pheng